



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN  
YB. DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN PADANG BOLA SEPAK BANDAR TUN RAZAK  
24 MEI 2016**

---

**Bismillah hirrahman Nirrahim.**

**Yang Berhormat Dato' Dr. Loga Bala Mohan,**  
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan

**Yang Berbahagia Datuk Seri Adnan Bin Haji Md Ikshan,**  
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan

**Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz,**  
Datuk Bandar Kuala Lumpur

**Yang Berbahagia Tan Sri KK Chai,**  
Pengarah Urusan Sinerjuta Sdn Bhd

**Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Agensi,**

**Para Penduduk,**

**Pihak Media,**

**Yang Berbahagia Tan Sri/ Dato'-Dato'/Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.**

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Syarikat Sinerjuta Sdn Bhd kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Padang Bola Sepak Bandar Tun Razak ini.
3. Padang bola sepak ini dibangunkan sebagai CSR di mana segala kos ditanggung oleh Syarikat Sinerjuta di atas sebahagian Lot 52901 di Taman Tasik Permaisuri, Bandar Tun Razak. Ia merupakan padang bola sepak baru yang mengantikan padang bola sepak lama di Jalan Budiman kerana terlibat dengan projek pembangunan semula Perumahan Awam (PA) Seri Labuan.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

4. Untuk pengetahuan semua, Kerajaan secara prinsipnya bersetuju supaya PA Seri Labuan, Cheras, Kuala Lumpur dibangunkan semula bagi meningkatkan taraf hidup penduduk dan memberikan keselesaan dari segi saiz rumah yang lebih luas dan selesa serta dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan lain seperti tempat letak

kereta, surau, taska, kedai, dewan dan sebagainya. Pembangunan semula PA Seri Labuan ini akan melibatkan semua 8 blok bangunan 4 tingkat yang mengandungi 640 unit rumah.

5. Saya dimaklumkan bahawa padang bola sepak lama di Jalan Budiman (Lot 55121) yang berkeluasan 5.098 ekar kelak akan dibangunkan untuk pembinaan 640 unit rumah gantian yang baru kepada semua penduduk di PA Seri Labuan, 189 unit Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dengan keluasan tidak kurang 800 kaki persegi dan 1,015 unit pangsapuri harga bebas. Setiap unit menyediakan 3 bilik tidur, 2 bilik air dan 1 tempat letak kereta.
6. Dalam hal ini, saya percaya pihak kerajaan dan syarikat telah mengadakan sesi *engagement* bersama pemimpin setempat, persatuan-persatuan penduduk sekitar dan penghuni PA Seri Labuan. Sesi ini telah mula dijalankan sejak 2014 dan masih lagi berjalan sehingga kini untuk mendapatkan pandangan dan persetujuan bagi melaksanakan projek pembangunan semula PA Seri Labuan.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

7. Kerajaan amat memahami akan keperluan padang bola sepak di Jalan Budiman kepada penduduk di kawasan sekitarnya. Oleh itu, kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memutuskan supaya syarikat yang melaksanakan projek

pembangunan semula PA Seri Labuan menggantikan semula padang tersebut di kawasan berdekatan iaitu di Taman Tasik Permaisuri.

8. Penduduk bukan sahaja mendapat padang bola sepak yang baru tetapi padang yang dilengkapi dengan infrastruktur yang jauh lebih baik daripada saiz padang yang lebih besar yang berkeluasan 4.302 ekar, kemudahan tempat duduk penonton, kiosk, tandas, bilik persalinan, lampu limpah untuk kegunaan pada waktu malam, pondok pengawal dan bangunan 1 tingkat untuk Pejabat Kecil Pengurusan Kawasan Zon Selatan DBKL.
9. Saya percaya dengan adanya padang bola sepak yang baru ini, ia bukan sahaja memberi keselesaan kepada penduduk sekitar untuk menjalankan aktiviti riadah dan bersukan, malahan telah memberikan peluang kepada semua penduduk di PA Seri Labuan mendapatkan rumah gantian baru yang lebih luas dan selesa di atas tapak padang bola sepak di Jalan Budiman. Seterusnya semua penduduk di kawasan sekitar mendapat faedah dan manfaat daripada projek pembangunan semula ini.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

10. Di kesempatan ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana terus menggembangkan tenaga untuk memastikan hasrat kerajaan memberikan perkhidmatan dan keselesaan kepada rakyat akan terus dilaksanakan dengan jayanya.

11. Saya berharap agar padang bola sepak baru ini akan memberikan impak positif kepada rakyat keseluruhannya terutama kepada penduduk untuk terus bergiat aktif dalam aktiviti sukan dan rekreasi.
12. Justeru itu, saya menyeru hadirin sekalian yang hadir pada hari ini dan rakyat Malaysia secara amnya supaya menyokong segala usaha baik dan inisiatif Kerajaan ini ke arah mencapai matlamat yang telah kita rancang bersama.
13. **Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacita saya melancarkan Majlis Perasmian Padang Bola Sepak Bandar Tun Razak pada hari ini.**
14. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.